



Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BIL. 10 TAHUN 2008**

**Proses Kelulusan Pengeluaran Waran Peruntukan Kecil, Pindah
Peruntukan Dan Waran Tarik Balik Melalui Modul Bajet Sistem
SPEKS Oleh Jabatan-Jabatan Negeri**

Tujuan

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Ketua-ketua Jabatan mengenai peningkatan taraf Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) sedia ada kepada sistem SPEKS 10G dan kelulusan oleh Pegawai Pengawal bagi pengeluaran Waran Peruntukan Kecil, Waran Pindah Peruntukan dan Waran Tarik Balik melalui sistem SPEKS.

Latar Belakang

2. Pelaksanaan modul-modul dalam sistem SPEKS sedia ada telah dibuat secara berperingkat sejak tahun 2004 bermula daripada penggunaan buku vot berkomputer, bajet, lejar am, gaji, aset, subsidiari lejar,

pelaburan, pinjaman dan modul pengurusan maklumat yang kini telahpun lengkap keseluruhannya meliputi sembilan proses kerja.

3. Pelaksanaan sistem SPEKS telahpun membawa perubahan besar kepada proses kerja dalam pengurusan kewangan yang sebelum ini dibuat secara manual kepada penggunaan ICT dan bukan sahaja telah berjaya meningkatkan tahap kecekapan pengurusan bayaran tetapi juga telah berjaya meringkaskan proses kerja di kalangan Jabatan-jabatan Negeri. Walaubagaimanapun dalam proses peralihan tersebut dan bagi melicinkan proses kerja terdapat beberapa masalah teknikal yang dihadapi yang menyebabkan sebahagian daripada proses kerja berkenaan dipusatkan di Jabatan Kewangan Negeri. Di antara proses kelulusan melalui sistem bagi pengurusan Bajet semasa yang telah dipusatkan di Jabatan Kewangan Negeri termasuklah pengeluaran:-

- (i) Waran Peruntukan Kecil;
- (ii) Waran Pindah Peruntukan; dan
- (iii) Waran Tarik Balik

Peningkatan Taraf Sistem SPEKS Sedia Ada Kepada 10G dan Perubahan Dalam Proses Kerja Di Peringkat Ibu Pejabat Negeri

4. Sistem SPEKS sedia ada telahpun dinaikkan tarafnya kepada sistem SPEKS 10G dan bagi Negeri Pulau Pinang kerja-kerja peningkatan taraf ini telah dilaksanakan pada 7 hingga 11 Mei 2008 lalu. Proses-proses kerja yang melibatkan kelulusan dalam sistem yang dahulunya dipusatkan di Jabatan Kewangan Negeri **kini boleh diluluskan di peringkat ibu pejabat negeri**. Di antaranya termasuklah:-

- (i) Pengeluaran Waran Peruntukan Kecil bagi semua peringkat proses kerja iaitu penyedia, penyemak dan pelulus.
- (ii) Pengeluaran Waran Pindah Peruntukan Mengurus bagi proses sedia, semak dan lulus untuk objek sebagai 20000 : Perkhidmatan dan Bekalan.
- (iii) Pengeluaran Waran Tarik Balik bagi proses kerja di peringkat penyedia, penyemak dan pelulus.

5. Ketiga-tiga proses pengeluaran waran di atas kini boleh dikeluarkan serta merta oleh ibu pejabat negeri tanpa perlu lagi merujuk kepada Jabatan Kewangan Negeri untuk kelulusan dalam sistem. Pihak Jabatan hanya perlu memaklumkan/mengemukakan satu salinan waran yang dikeluarkan kepada Jabatan Kewangan Negeri (Unit Bajet) untuk tujuan pemantauan dan rekod Jabatan ini.

6. Bagi jabatan-jabatan yang mempunyai pejabat cawangan dan telah dibekalkan dengan sistem SPEKS, akses kepada proses pengeluaran waran berkenaan akan disediakan di peringkat penyedia dan penyemak manakala proses kelulusan dalam sistem akan dibuat oleh Pegawai Pengawal/pegawai kanan yang telah diberi kebenaran secara bertulis di ibu pejabat negeri.

7. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa proses pindah peruntukan melalui sistem dibuat dengan teratur di mana:-

- (i) Peruntukan yang telah dikurangkan melalui proses pindah peruntukan **tidak boleh ditambah semula dan sebaliknya.**

- (ii) Jika peruntukan bagi sesuatu objek sebagai tidak disediakan dalam Bajet Tahun semasa maka proses pindah peruntukan **tidak boleh dibuat sama sekali** kecuali jika peruntukan tanda sebanyak RM10.00 telahpun disediakan.

- (iii) Proses meluluskan waran peruntukan kecil, pindah peruntukan dan waran tarik balik hendaklah dibuat sendiri oleh Pegawai Pengawal atau oleh mana-mana pegawai kanan yang telah diberikan kebenaran secara bertulis. Cetakan waran-waran tersebut hendaklah juga ditandatangani oleh Pegawai Pengawal /pelulus yang sama.

Pindah Peruntukan Yang Memerlukan Kelulusan Jabatan Kewangan Negeri

8. Berikut adalah proses-proses pindah peruntukan yang perlu dirujuk kepada Jabatan Kewangan Negeri untuk kelulusan iaitu :-

- (i) Pindah peruntukan di bawah Vot Pembangunan (P) di antara Butiran/Projek perlu mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri setelah mendapat perakuan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

- (ii) Pindah peruntukan bagi Vot Mengurus (M) di bawah objek sebagai 10000 : Emolumen, 30000 : Aset dan 40000 : Pemberian dan Kenaan Tetap hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

- (iii) Pindah peruntukan bagi Vot Tanggungan (T) keseluruhanya hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan Pegawai Kewangan Negeri.

Penutup

9. Taklimat dan latihan praktikal akan diberikan kepada semua PTJ mengenai pelaksanaan proses kerja melalui sistem bagi pengeluaran waran yang disenaraikan di perenggan 4 di atas. Semua pegawai dan staf terlibat perlu memohon ID/akses untuk memasuki modul Bajet bagi tujuan pengeluaran waran berkenaan. Tarikh akhir mengemukakan permohonan ID/akses ke Jabatan Kewangan Negeri ialah **tidak lewat daripada 20 Jun 2008**. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui e – mail kepada Pegawai Teknologi Maklumat Jabatan Kewangan Negeri di alamat yuzri@penang.gov.my.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

t/t

(DATO' SUPIAH BINTI MD. YUSOF)

Pegawai Kewangan Negeri,
Pulau Pinang.

Tarikh : 13 Jun 2008

s.k. Y.A.B Ketua Menteri
Y.B Timbalan Ketua Menteri I
Y.B. Timbalan Ketua Menteri II
Y.B. Setiausaha Kerajaan

e.d. Bendahari Negeri